



## **PERDANA MENTERI SAKSIKAN KEJOHANAN THE PUTRAJAYA BOAT RACE 2019**

**PUTRAJAYA, 15 SEPTEMBER 2019** – Perdana Menteri, YAB Tun Dr. Mahathir Mohamad dan isteri YABhg. Tun Dr. Siti Hasmah Mohamad Ali menyaksikan perlumbaan di antara Universiti <sup>Malaysia</sup> dan Universiti Putra Malaysia di kejohanan *The Putrajaya Boat Race 2019* di Tasik Putrajaya.

Turut hadir bersama Menteri Wilayah Persekutuan, YB Tuan Haji Khalid Abdul Samad, Presiden Perbadanan Putrajaya (PPj), YBhg. Datuk Dr. Aminuddin Bin Hassim, dan barisan menteri kabinet.

Acara yang julung kali diadakan di Putrajaya merupakan cetusan idea YAB Perdana Menteri sendiri bagi mewujudkan tradisi *boat race* di antara universiti tertua sebagaimana yang dianjurkan di negara-negara seperti United Kingdom, Amerika Syarikat dan Jepun. Di samping itu, acara ini merupakan hasrat Kerajaan serta PPj untuk mempelbagaikan dan mengembangkan lagi acara sukan air peringkat antarabangsa dan tempatan di Tasik Putrajaya.

Bermula dari jam 8.00 pagi hingga 5.00 petang bertempat di Kelab Tasik Putrajaya, Presint 8, sebanyak 14 pasukan akan berentap di dalam perlumbaan sepanjang 3.8 kilometer menelusuri tasik Putrajaya bermula dari Yayasan Kepimpinan Perdana ke Kelab Tasik Putrajaya. Sebanyak 7 kategori yang dipertandingkan antaranya kategori Universiti (lelaki dan wanita), kategori Universiti *Alliance* (lelaki dan wanita), kategori Pasukan Beruniform, kategori Pihak Berkuasa Tempatan dan kategori Sekolah.

Bakal johan akan membawa pulang wang tunai sebanyak RM1,000 dan tempat kedua sebanyak RM500 berserta medal untuk setiap kategori kecuali kategori universiti *alliance*.

Bagi memeriahkan lagi kejohanan, pelbagai program seperti pertandingan *indoor rowing* turut diadakan. Selain daripada itu, terdapat juga jualan barangan cenderamata daripada pasukan yang bertanding.

Untuk pertanyaan lanjut berhubung *The Putrajaya Boat Race 2019*, sila hubungi, En. Mohd Fairus Bin Mohd Padzil di talian 03-8887347/019-3354346 atau Encik Ahmad Fazila Othman di talian 03-88877325/012-5761490.



**(TENGGU AINA BINTI YTM TENGGU ISMAIL SHAH)**

**Pengarah**

**Bahagian Komunikasi Korporat**

b.p. Presiden Perbadanan Putrajaya

Tarikh: 13 September 2019